

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	3/4/2012

≥ **SEMPENA TIGA TAHUN NAJIB SEBAGAI PERDANA MENTERI MALAYSIA**

# Najib penuh idealistik, praktikal

Oleh **ZULKIFLI JALIL**  
pengarang@utusan.com.my

**HARI** ini 3 April, genap tiga tahun Datuk Seri Najib Tun Razak menyandang jawatan Perdana Menteri. Dalam rumusan penganalisis ekonomi dan politik tanah air, rata-rata apabila ditanya sama ada secara spontan atau panjang lebar terhadap rekod Najib dalam tiga tahun ini - satu sahaja - beliau penuh idealistik dan praktikal.

Tidak mahu retorik tentang komen beliau, Ketua Eksekutif Institut Kajian Strategik Antarabangsa Malaysia (ISIS), Dr. Mahani Zainal Abidin percaya pandangannya itu turut dikongsi oleh sebahagian besar rakyat negara ini yang diyakininya telah melihat secara realiti itu.

"Dalam tiga tahun ini, Perdana Menteri memberikan kita semua beberapa gagasan dan strategi beliau bagaimana hendak membawa negara dan ekonomi ke tahap pembangunan lebih tinggi.

"Beliau ada wawasan strategiknya. Dan ini bukan melibatkan satu sahaja tetapi banyak bidang - dari segi ekonomi, perpaduan dan kesejahteraan rakyat," kata beliau kepada penulis semalam.

Sesuatu yang agak luar biasa yang dilihat Dr. Mahani mengenai Najib ialah beliau begitu praktikal.

"Ini kerana ada juga idea beliau yang perlu ditambah baik apabila beliau mendapat *feedback* (maklum balas). Tetapi yang bagus, beliau begitu *open* (terbuka) untuk menyesuaikan teguran atau kritikan itu dengan strategi yang dibinanya.

"Kadang-kadang orang melihat ia *flip flop* tetapi itulah yang diinginkan Perdana Menteri untuk melihat gagasan atau ideanya ditambah baik," kata Dr. Mahani lagi.



MAHANI



JENIRI AMIR

Beliau menarik perhatian bahawa tempoh tiga tahun yang ditempuh Perdana Menteri khususnya dalam menggerakkan ekonomi negara pada hakikatnya penuh berliku. Tetapi Najib terus mengharunginya dengan yakin.

"Jika kita lihat Malaysia tidak terkecuali daripada menerima padah impak krisis ekonomi global tetapi beliau menerajui negara dengan tenang dan baik menerusi tadbir urus berkesan sehingga kita akhirnya tidak terjerumus sama ke dalamnya.

"Contoh terdekat ialah bagaimana kita perlukan pelaburan dalam suasana pelaburan yang getir dan mencabar. Dan Perdana Menteri telah merebut pasaran perdagangan ini dengan menggerakkan jaringan dengan negara-negara Timur Tengah selain menerusi inisiatif perdagangan bebas.

"Rumusannya, Perdana Menteri mempunyai strategi yang *clear* (jelas) untuk memandu negara ini ke tahap yang lebih baik dalam segi ekonomi dan kesejahteraan rakyat," kata beliau.

Nada sama turut dikongsi oleh Pensyarah Kanan Kolej Undang-Undang Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr. Mohd. Azizuddin Mohd. Sani.

"Kita rakyat boleh bagi kredit untuk be-

**Jika kita lihat Malaysia tidak terkecuali daripada menerima padah impak krisis ekonomi global tetapi beliau menerajui negara dengan tenang dan baik menerusi tadbir urus berkesan sehingga kita akhirnya tidak terjerumus sama ke dalamnya**

lia. Ini dengan usahanya yang semakin berjaya dalam mengubah masyarakat ke arah yang lebih matang," kata beliau. Beliau memberi contoh bagaimana Najib berusaha melaksanakan pembaharuan dari segi undang-undang.

Antaranya, memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan menstrukturkan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan.

"Banyak kesan positifnya yang melingkari psikologi fikiran rakyat ketika ini," kata beliau.

Azizuddin juga mahu rakyat melihat bagaimana Malaysia sebenarnya berkali ganda lebih baik daripada negara tetangga di rantau ini.

"Dari segi ekonomi, sosial, politik, kesihatan, pendidikan dan apa sahajalah, kita sebenarnya jauh lebih baik daripada mereka. Malah, pembangunan dan kestabilan negara kita lebih baik berbanding negara-negara di Eropah Timur.

"Tetapi malangnya, ada segelintir pihak cuba melontarkan persepsi negatif kepada usaha-usaha kerajaan ini. Persepsi negatif ini sedikit sebanyak merencatkan apa yang kita hendak capai.

"Namun, saya percaya rakyat yang kini lebih terbuka mampu menilai mana yang lebih baik," kata beliau.

Dr. Jeniri Amir dari Universiti Malaysia

Sarawak pula melihat satu segmen besar dalam memberikan komen tiga tahun Malaysia diterajui Najib.

"Seorang pemimpin yang mengotakan janji," kata beliau yang mempunyai pengetahuan luas dalam menghurai sosio politik di Sarawak dan Sabah.

Najib, kata beliau, melakukan banyak reformasi dari segi ekonomi, politik dan sosial selaras dengan janjinya ketika mula-mula mengambil alih pimpinan kerajaan.

"Rakyat memang jelas bahawa Perdana Menteri seorang pemimpin yang memiliki komitmen yang tinggi untuk memperjuangkan kepentingan rakyat. Beliau telah meletakkan perpaduan kaum sebagai agendanya.

"Demikian juga dengan dasar-dasar peruntukan yang disalurkan untuk semua kaum, baik Melayu, Cina, India seterusnya melangkaui penduduk di Sabah dan Sarawak," kata beliau.

Yang dilihat oleh Dr. Jeniri sekarang ialah pembangkang semakin gusar dengan impak pentadbiran Perdana Menteri dalam tiga tahun ini.

"Pembangkang hidup di atas kelemahan orang lain. Dengan Datuk Seri Najib dilihat sentiasa meningkat prestasinya dari hari ke hari dalam pendekatannya untuk kemajuan negara dan kesejahteraan hidup rakyat, me-

reka (pembangkang) pula kini terkial-kial untuk mencari isu yang boleh dieksplorasikan.

"Namun saya ingin ingatkan di sini bahawa kerja keras Perdana Menteri ini mesti dituruti sama oleh kepimpinan dan anggota parti-parti komponen Barisan Nasional yang lain. Saya percaya ini sedang diusahakan," kata beliau.

Transformasi ekonomi dan pentadbiran yang diperkenalkan Najib yang matlamatnya untuk membawa perubahan serta kemajuan rakyat dan negara semakin membuka mata semua pihak.

Sebutlah apa sahaja jenama 1Malaysia daripada cetusan Gagasan 1Malaysia. Bantuan Rakyat 1Malaysia (BRIM), Kedai Rakyat 1Malaysia (KRIM), Menu Rakyat 1Malaysia (MRIM), Bantuan Persekolahan 1Malaysia (BPIM), Bantuan Baucer 1Malaysia (BBIM) dan Klinik 1Malaysia - semuanya untuk manfaat rakyat. Ia antara 10 transformasi Sentuhan Rakyat yang mendapat sambutan menggalakkan.

Itu baru produk-produk yang melibatkan jenama 1Malaysia. Kalau dari segi lain, demikianlah juga impak positif kepada rakyat. Strategi Lautan Biru Kebangsaan contohnya yang banyak kejayaan dicapai.

Antaranya lebih 40,000 anggota polis dapat menjalankan rondaan pada masa kini. Disebabkan strategi Lautan Biru ini, banduan-banduan di kem-kem tertentu dapat ditempatkan.

Dan mereka dapat menjalani sisa-sisa hukuman dalam keadaan yang lebih selesa serta mampu mengeluarkan hasil pertanian yang memberi keuntungan kepada mereka dan juga kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Melewati tiga tahun kerajaan di bawah Najib tampak jelas idealistik dan praktikal.